



| Tahun 2005 | | | |
|--|---|--|--|
| Kumpulan KMK/KIK | BENAK | | |
| Bahagian | JPS Bahagian Sri Aman | | |
| Ahli Kumpulan | <table border="0"> <tr> <td style="vertical-align: top;"> Penasihat Fasilitator Ketua Kumpulan Setiausaha Ahli </td> <td style="vertical-align: top;"> Ir. Sim Kok Kee Allen Sim Meng Choon Hj. Awang Sarbini Bin Awang Gapor Mislimah Binti Daimin Hassan Bin Suhaili Bajik ak Rupen Peter Rawing ak Gema Mandal Elie </td> </tr> </table> | Penasihat Fasilitator Ketua Kumpulan Setiausaha Ahli | Ir. Sim Kok Kee Allen Sim Meng Choon Hj. Awang Sarbini Bin Awang Gapor Mislimah Binti Daimin Hassan Bin Suhaili Bajik ak Rupen Peter Rawing ak Gema Mandal Elie |
| Penasihat Fasilitator Ketua Kumpulan Setiausaha Ahli | Ir. Sim Kok Kee Allen Sim Meng Choon Hj. Awang Sarbini Bin Awang Gapor Mislimah Binti Daimin Hassan Bin Suhaili Bajik ak Rupen Peter Rawing ak Gema Mandal Elie | | |
| Tajuk Projek | Projek Safety Locking Device (SLD) – Kos Penyelenggaraan Jengkaut di JPS Sri Aman & Betong Terlalu Tinggi | | |
| Keterangan Projek | <p>Setiap skim saluran di JPS Sri Aman/Betong mempunyai jengkaut untuk tujuan kerja-kerja pembersihan dan meluaskan saluran-saliran yang sedia ada. Unit kami telah menganggarkan setiap jengkaut memerlukan peruntukkan sejumlah RM 30,000.00 setahun.</p> <p>Pada tahun 2002 dan 2003, beberapa kes kecurian berlaku melibatkan komponen utama jengkaut yang nilainya mencecah puluhan ribu ringgit menyebabkan peningkatan kos penyelenggaraan jengkaut. Hasil kerja juga menurun oleh kerana jengkaut yang tidak berfungsi. Petani dan orang awam mula mengadu tentang saluran yang tersumbat mengakibatkan banjir. Berikutan itu, unit kami telah mengambil langkah dengan menghantar pekerja jabatan untuk mengawasi jentera-jentera tersebut agar kes kecurian tidak berulang lagi.</p> <p>Bagaimanapun, pekerja jabatan tidak dapat melakukan pengawasan jentera secara total kerana komitmen mereka terhadap tugas rutin masing-masing. Ini menyebabkan unit kami mendapat kueri dari pihak pengurusan mengenai peningkatan kos penyelenggaraan dan pencapaian kerja kami yang kurang memuaskan.</p> <p>Cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut adalah dengan mereka sejenis alat kekunci digelar 'Safety Locking Device' (SLD) yang dapat mengurangkan risiko kecurian komponen utama jengkaut, sekaligus meminimalkan keperluan alat ganti.</p> | | |
| Pencapaian projek dari segi : | <p>(a) Penjimatan Kos</p> <p><i>Kos penyelenggaraan untuk 10 jengkaut dalam sebulan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ·Sebelum penambahbaikan: RM 37,712.50 ·Selepas penambahbaikan : RM 25,000.00 ·Peratusan penjimatan kos : 33.70 % penyelenggaraan selepas penambahbaikan | | |

| | |
|---------------|---|
| | <p><u>(b)Peningkatan Hasil Kerja</u></p> <p><i>Pencapaian kerja-kerja membersihkan dan meluaskan saliran dalam sebulan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ·Sebelum penambahbaikan : 8 km ·Selepas penambahbaikan : 20 km ·Peratusan peningkatan hasil kerja : 60 % selepas projek <p><u>(c) Penjimatan Masa</u></p> <p>Skim-skim JPS Sri Aman dan Betong mempunyai saliran keliling sepanjang 200km yang mana ia perlu diselenggara oleh unit kami. Berdasarkan perkiraan di atas, sebelum ini kami memerlukan 2 tahun untuk melaksanakan kerja tersebut. Kini tugas tersebut dapat disempurnakan dalam masa 1 tahun sahaja.</p> <p><i>Ini bermakna kami telah menjimatkan 50% masa bekerja.</i></p> <p><u>d) Peningkatan Tahap Kepuasan Pelanggan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada lagi aduan yang diterima dari petani / orang awam 2. Pihak pengurusan berpuas hati dengan pencapaian kerja membersihkan dan meluaskan saliran di skim-skim JPS Sri Aman / Betong. |
| Kategori | Teknikal |
| Konvensyen | <p>Konvensyen KMK Sektor Awam Peringkat Negeri Sarawak 2005 di Damai Lagoon, Kuching, Sarawak Pencapaian : JOHAN</p> <p>Konvensyen KMK dan Inovasi Peringkat JPS Kebangsaan 2005 di Perlis Pencapaian : JOHAN</p> <p>Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan 2005 di Genting Convention Centre, Genting Highland Pencapaian : PESERTA</p> |
| Gambar Projek |  <p>Dahulu : Hanya pintu pam hidraulik sahaja yang dikunci</p> |

SAFETY LOCKING DEVICE (SLD)
terdiri daripada beberapa komponen iaitu



Pemasangan SLD ke Pam Hidraulik



Pandangan dekat komponen jengkaut yang dipasang SLD

